

TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PECAH TANAH PROJEK NAIKTARAF POCKET PARK
LEBUH BENGGALI, BUTTERWORTH
PADA 9 NOVEMBER 2016 (RABU), 10:30 PAGI
TAPAK GELANGGANG BOLA KERANJANG
PANGSAPURI RIA, LEBUH BENGGALI BUTTERWORTH

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen

Yang Berbahagia Dato' Maimunah Mohd Sharif

Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Ar.Laurance Loh

Pengarah Think City Sdn. Bhd

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai Kanan MPSP

Rakan-rakan Media

YBhg. Dato' / Tuan / Puan sekalian,

.....

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Pecah Tanah Projek Naiktaraf *Pocket Park* Lebuhs Benggali, Butterworth pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Y.A.B Tuan Lim Guan Eng kerana sudi melapangkan masa beliau ke majlis ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak Think City Sdn.Bhd sebagai rakan kolaborasi dalam pelaksanaan projek naiktaraf *pocket park* Lebuhs Benggali yang menelan kos keseluruhan sebanyak RM 200,000.00.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Projek naiktaraf pengindahan landskap sebagai *pocket park* Lebuhs Benggali ini adalah merupakan pengisian program di bawah

Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu yang mana selaras untuk mewujudkan persekitaran yang hijau dan indah. Cadangan ini adalah sejajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Selamat & Sihat. Lokasi cadangan *pocket park* ini terletak di kawasan lapang berhadapan Lebuhraya Benggali, Butterworth dengan keluasan 1095 kaki persegi yang mana diselenggara sepenuhnya oleh pihak MPSP.

MPSP dengan kerjasama Think City telah menandatangani *Memorandum of Understanding (M.O.U)* selama 5 tahun selaras untuk mewujudkan hubungan kerjasama dua hala dalam memangkin *urban regeneration programme* di Bandar Butterworth. *Baseline Study* dan Pelan Tindakan telah dilaksanakan untuk merealisasikan Pelan Butterworth Baharu yang mana dijadikan sebagai garis panduan untuk pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan akan membawa impak perubahan positif ke atas struktur urbanisasi dan seterusnya membawa peningkatan ekonomi, sosial dan budaya yang ketara kepada komuniti setempat.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

4. Untuk makluman semua, tempoh pelaksanaan bagi kerja-kerja naiktaraf adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	TEMPOH
1	Pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan & Pengindahan	10 Oktober 2016
2	Kelulusan Majlis Penuh	25 Oktober 2016
3	Perlaksanaan kerja-kerja di tapak oleh Think City	November 2016 – Januari 2017 (2 bulan)
4	Selesai kerja di tapak	Penghujung Januari 2017
5	Majlis perasmian	Dijangka Februari 2017

Setelah projek naiktaraf ini selesai, *pocket park* ini akan diserahkan kepada MPSP yang mana kerja-kerja penyelenggaraan adalah menjadi tanggungjawab MPSP. Di sini, saya ingin menyeru kepada seluruh penduduk setempat khasnya agar dapat sama-sama menjaga kebersihan kawasan sekitar dan fasiliti awam yang disediakan iaitu no *vandalism* yang berlaku di *pocket park* ini. Hargai kemudahan *pocket park* yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. *Pocket park* adalah reruang rekreasi awam untuk

meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup yang mana wujud sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Seterusnya, untuk makluman semua, pihak MPSP dan Think City telah melaksanakan *community engagement* programme bersama komuniti Dewan Ria pada 12 dan 13 Februari 2016 bagi mendapatkan maklumbalas penduduk setempat berkaitan cadangan naiktaraf kemudahan awam di kawasan sekitar. Ianya mendapat kerjasama yang baik daripada penduduk dan ribuan terima kasih diucapkan. Sejajar dengan itu, komponen bagi cadangan naiktaraf *pocket park* Lebuh Benggali ini melibatkan elemen-elemen seperti berikut :

- i. *Feature Swing*
- ii. *Parcourse Equipment*
- iii. *Park Bench*
- iv. *Feature Play Mound – Bertepatan dengan Sustainable Development Goal 11: make cities and human settlement inclusive, safe, resilient and sustainable.*
- v. Kemudahan *braille map* perlu disediakan mengikut spesifikasi am.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

5. Sebelum mengakhiri ucapan, ribuan terima kasih sekali lagi kepada pihak Think City Sdn Bhd dalam membiayai kos naiktaraf *pocket park* Lebuh Benggali. Saya percaya ini adalah satu momentum permulaan

yang baik dalam memperkasakan projek fizikal pertama yang berkonsepkan *4Ps Project (Public, Private, People, Partnership) di bawah* Pelan Butterworth Baharu. Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan Pelan Butterworth Baharu yang mana telah disusun pelaksanaan dan penganjuran program yang sistematik dengan kerjasama MPSP dan Think City.

Sekian, terima kasih.